



## KENYATAAN RASMI

### **PR1MA DAN KPKT SANTUNI WARGA EMAS ORANG KURANG UPAYA SEMPENA HARI HABITAT SEDUNIA 2022**

**Kuala Lumpur**, 3 November 2022 – Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA) bersama Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) telah menganjurkan **Program Jalinan Kasih PR1MA Sempena Sambutan Hari Habitat Sedunia 2022** di Persatuan Bagi Orang Buta Malaysia (MAB), Brickfields pada hari ini.

Program Jalinan Kasih PR1MA ini adalah sebahagian daripada inisiatif PR1MASYARAKAT, iaitu jenama tanggungjawab sosial korporat (CSR) PR1MA di bawah Aspirasi #PR1MAKita. Antara aktiviti yang telah dijalankan termasuk gotong-royong bersama sukarelawan PR1MA, latihan pembangunan insan, saringan kesihatan, acara riadah serta pengagihan bakul makanan untuk warga emas dan warga MAB.

Program ini telah dirasmikan oleh Yang Berusaha Dr. Siti Muhaza binti Sheikh Zainal, Setiausaha Bahagian Perancangan Strategik dan Antarabangsa KPKT dan turut dihadiri oleh Yang Berusaha Encik Khalid bin Ramli, Ketua Pegawai Kewangan PR1MA, serta Encik George Thomas, Ketua Pegawai Eksekutif, MAB.

Menurut Dr. Siti Muhaza, “Program Jalinan Kasih PR1MA ini diadakan bersempena Sambutan Hari Habitat Sedunia 2022 yang bertemakan ‘*Mind the Gap. Leave No One and Place Behind*’. Hari Habitat Sedunia merupakan satu sambutan peringkat antarabangsa yang dianjurkan oleh semua negara anggota Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) bagi meningkatkan kesedaran akan kepentingan pembangunan penempatan manusia yang selesa dan kondusif.”

Menurut En Khalid pula, “Selain mengeratkan silaturahim, program sebegini merupakan satu usaha dalam meningkatkan kesedaran terhadap golongan rentan iaitu mereka yang memerlukan sokongan dan perhatian. Ini selari dengan visi

pembangunan PR1MA yang bukan sekadar membina kediaman, tetapi kami juga mewujudkan komuniti yang sejahtera.”

Tambah beliau, seramai 20 orang sukarelawan yang terdiri daripada kakitangan PR1MA terlibat menyantuni Warga Emas OKU pada hari ini. Ia memberi peluang kepada mereka untuk memberi khidmat melangkaui skop tugas hakiki dan mendekati golongan yang memerlukan dengan penerapan nilai empati, peka dan cakna.

Selain program yang telah dijalankan pada hari ini, PR1MA akan meneruskan sumbangan untuk MAB melalui penerbitan buku audio bagi manfaat pembelajaran OKU penglihatan MAB.

MAB merupakan sebuah persatuan yang berdaftar dan disokong oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat. Ia memiliki keahlian seramai lebih 53 ribu orang di seluruh negara yang ada di antara mereka bekerja profesional dalam pelbagai kemahiran. Pejabat MAB beroperasi di Kuala Lumpur, Temerloh dan Ipoh.

Untuk sebarang maklumat mengenai PR1MA, sila layari laman web PR1MA di [www.pr1ma.my](http://www.pr1ma.my) atau hubungi Pusat Panggilan PR1MA di 03-7628 9898 (tutup pada cuti umum di Negeri Selangor) atau emel kepada [info@pr1ma.my](mailto:info@pr1ma.my).

-TAMAT-

---